

Undang-undang Kebankrapan Islam

Oleh

Dr. Ahmad Azam Othman
Jabatan Undang-undang Islam
Kulliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Pendahuluan

Satu daripada objektif undang-undang Islam adalah untuk menjaga harta samada harta itu dimiliki oleh orang perseorangan ataupun orang lain. Antara cara yang digunakan untuk mencapai objektif ini Islam memperkenalkan Undang-undang Kebankrapan yang bertujuan untuk menjaga harta-harta para pemberi hutang. Kebankrapan bolehlah ditakrifkan sebagai, “pengistiharan kebangkrapan ke atas pemiutang oleh hakim [mahkamah] dengan melarangnya daripada menggunakan hartanya supaya hakim boleh mengambilnya untuk dibahagikan kepada para pemberi hutang.”¹ Takrif ini menunjukkan bahawa,

- a) kebangkrapan seseorang pemiutang hendaklah berdasarkan kepada pengistiharan hakim [mahkamah],
- b) pengistiharan kebangkrapan menyebabkan pemiutang dilarang daripada menggunakan hartanya,
- c) pengistiharan juga menyebabkan harta pemiutang diambil oleh mahkamah dan,
- d) mahkamah adalah bertanggungjawab untuk membahagikan harta pemiutang kepada para pemberi hutang.

Oleh itu, pertamanya, kertas kerja ini menyentuh tentang kebenaran pengistiharan kebangkrapan, petisyen untuk menjadikan seseorang itu bankrap serta kesan-kesan pengistiharan kebangkrapan. Antara kesan-kesan yang akan dibincangkan adalah kesan terhadap transaksi-transaksi yang dilakukan oleh pemiutang samada sebelum atau selepas pengistiharan kebangkrapan dan kesan terhadap harta pemiutang. Seterusnya perbincangan menyentuh tentang penyempurnaan harta pemiutang yang bertujuan untuk menyelesaikan hutang-hutangnya. Perbincangan kertas kerja ini diakhiri dengan pelepasan kebangkrapan, kesan-kesannya serta pengistiharan kebangkrapan untuk kali kedua dan seterusnya. Perbincangan kertas kerja ini adalah berdasarkan kepada *al-Qur’ān*, *Aḥādīth*, Amalan-amalan Para Şahābah serta pendapat-pendapat para ‘ulamak Islam (*fuqahā*).

¹ Lihat al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī*, vol. 4, ms. 455.

Kebenaran Pengistiharan Kebankrapan

Secara umumnya, majoriti 'ulamak-'ulamak Islam membenarkan pengistiharan kebankrapan kepada seseorang individu tertentu di dalam usaha untuk menjaga hak-hak para pemberi hutang. Mereka termasuklah Abu Yūsuf, Muḥammad al-Shaybānī,² 'ulamak-'ulamak dari madhhab Shāfi'i,³ Ḥanbali⁴ dan Māliki.⁵ Kebenaran ini adalah berdasarkan Ḥadīth, "Nabi s.a.w telah melarang Mu'ādh [yang memiliki hutang melebihi nilai harta-harta (asset-aset) yang dimilikinya] daripada menggunakan hartanya, menjual harta tersebut serta membayar hutang-hutangnya kepada para pemberi hutang [daripada hasil jualan harta-harta Mu'ādh]".⁶

Ḥadīth ini menunjukkan pengistiharan kebankrapan merupakan sesuatu yang dibenarkan oleh Islam. Jika sekiranya ianya tidak dibenarkan maka Nabi s.a.w. yang juga merupakan seorang hakim tidak akan melakukannya kepada Mu'ādh. Seterusnya Ḥadīth menunjukkan bahawa hakim [mahkamah] adalah bertanggungjawab untuk menjual harta-harta pemiutang dan membahagikan hasil jualannya kepada para pemberi hutang.

Kebenaran untuk pengistiharan kebankrapan juga berdasarkan kepada peristiwa yang berlaku di zaman 'Umar ibn al-Khaṭṭāb di mana dilaporkan bahawa al-Usayfi' dari puak Juhaynah telah menjadi bankrap dan keadaan telah dibawa kepada pengetahuan 'Umar di mana beliau berkata, "Wahai sekalian manusia! al-Usayfi' dari puak Juhaynah adalah seorang yang telah sempurna agama dan amanahnya kerana diberitahu bahawa beliau datang ke sini sebelum kedatangan orang lain untuk menunaikan fardu Ḥaji. Beliau selalu berhutang dan tidak membayarnya. Oleh itu hutangnya melebihi jumlah hartanya. Kepada sesiapa yang mempunyai hutang kepadanya, bolehlah datang kepada kami esok dan kami akan membahagikan hartanya untuk para pemberi hutangnya. Berhati-hatilah dengan hutang! Permulaannya adalah kebimbangan dan akhirnya adalah kerosakan."⁷

² al-Marghīnānī, *Al-Hidāyah*, vol. 3, ms. 285; al-Sarakhsī, *Al-Mabsūṭ*, vol. 24, ms. 164; Ibn Humān, *Takmilah*, vol. 9, ms. 274.

³ al-Nawawī, *Rawdat al-Ṭālibīn*, vol. 4, ms. 165; al-Kūhajī, *Zādd al-Muḥtāj*, vol. 2, ms. 165.

⁴ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, vol. 4, ms. 452; Lihat juga *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, vol. 5, ms. 301.

⁵ Anas, *Al-Mudawwanah al-Kubrā*, vol. 4, ms. 116; Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, vol. 2, ms. 213; Mūsā, *Mukhtaṣar Khalīl*, ms. 185.

⁶ al-Darūqatnī, vol. 2, ms. 20(no. 4505), al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār*, vol. 5, ms. 340; al-Bayhaqī, *Al-Sunan al-Kubrā*, vol. 6, ms. 48.

⁷ Anas, *Al-Muwaṭṭā'*, ms. 547.

Keputusan yang telah dibuat oleh 'Umar menunjukkan pengistiharan kebangkrapan adalah dibenarkan oleh Islam. Keputusannya juga tidak mendapat sebarang bantahan daripada para Şahabah yang lain. Oleh itu keputusannya dikira sebagai keputusan yang telah disepakati oleh keseluruhan para Şahabah (*ijma'*) untuk kebenaran pengistiharan kebangkrapan.⁸ Keputusan ini juga menunjukkan bahawa pengistiharan kebangkrapan hanya akan dibuat setelah bukti menunjukkan bahawa pemiutang adalah bankrap di mana jumlah hutang-hutangnya melebihi hartanya dan pengistiharan kebangkrapan hendaklah dibuat kepada umum untuk membolehkan para pemberi hutang mendapatkan balik hutang mereka dan seterusnya dapat mengelak orang ramai daripada bertransaksi dengan pemiutang. Ia juga menunjukkan bahawa menjadi satu tugas hakim [mahkamah] untuk membahagikan harta-harta pemiutang di kalangan pemberi hutangnya.

Pengistiharan kebangkrapan juga dibenarkan berdasarkan analogi kepada prinsip-prinsip 'sakit yang membawa maut' (*marḍ al-mawt*).⁹ Di dalam prinsip-prinsip *marḍ al-mawt*, seseorang yang sedang *marḍ al-mawt* adalah dilarang daripada menggunakan keseluruhan hartanya. Ini adalah untuk menjaga kepentingan para pewarisnya. Oleh itu pengistiharan kebangkrapan sepatutnya diutamakan untuk menjaga kepentingan para pemberi hutang dan dalam masa yang sama sebahagian harta yang dimiliki oleh pemiutang adalah harta mereka kalau dibandingkan dengan harta seseorang yang sedang *marḍ al-mawt* kerana harta adalah hartanya dan bukan harta para pewarisnya.¹⁰

Kebeneran pengistiharan juga, mengikut sebahagian 'ulamak-'ulamak Islam, adalah berdasarkan doktrin kepentingan awan (*maşlahah 'āmmah*).¹¹

⁸ al-Başīr, *Al-Nihāyah*, vol. 2, ms. 43; al-Qarāfī, *Al-Dhakhīrah*, vol. 8, ms. 167; Lihat juga al-Sarakhsī, *Al-Mabsūf*, vol. 24, ms. 164.

⁹ *Marḍ al-mawt* adalah "sakit di mana kematian adalah jalan yang terakhir di dalam kebanyakan kes, dan, untuk pesakit lelaki berlaku apabila pesakit tersebut tidak dapat melakukan aktiviti-aktiviti di luar rumahnya dan bagi pesakit wanita berlaku apabila beliau tidak dapat melakukan tugas hariannya di rumahnya, kematian berlaku di dalam tempoh setahun daripada sakit yang dialami walaupun kematian disebabkan oleh faktor yang lain." *Majallat al-Ahkām al-'Adliyyah*, artikel 1595; Terdapat juga takrif yang lain untuk *marḍ al-mawt*, "penyakit yang membawa maut yang memenuhi syarat-syarat berikut – a) penyakit itu mestilah menyebabkan kematian simati; b) penyakit itu mestilah menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda simati; dan c) mestilah terdapat beberapa tanda luaran suatu penyakit yang serius." Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999, seksyen 2.

¹⁰ Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, vol. 2, ms. 214; Lihat juga al-Mawāq, *Al-Tāj*, vol. 7, ms. 345.

¹¹ al-Mawāq, *Al-Tāj*, vol. 7, ms. 385.

Petisyen Pengistiharan Kebankrapan

Pengistiharan kebangkrapan adalah berdasarkan keputusan hakim [mahkamah]. Keputusan hendaklah berdasarkan, mengikut kebanyakan 'ulamak-'ulamak Islam, petisyen yang dibuat oleh seorang pemberi hutang atau para pemberi hutang kepada mahkamah. Ini kerana hanya pemberi hutang sahaja yang mempunyai hak terhadap harta kepunyaan pemiutang.¹²

Petisyen pemberi hutang hanya boleh dibuat apabila hutang yang diberikan adalah hutang yang sah yang telah tiba waktu pembayarannya. Dalam masa yang sama jumlah hutang adalah melebihi nilai harta pemiutang.

Petisyen boleh juga, mengikut pandangan para 'ulamak madhhāb Shāfi'i, dibuat berdasarkan inisiatif pemiutang.¹³ Ini berdasarkan Ḥadīth, "Mu'ādh ibn Jabal adalah seorang penderma yang dermawan di kalangan para pemuda. Hutang-hutangnya melebihi keseluruhan asset-asetnya menjadikan beliau tidak memiliki harta. Beliau telah datang berjumpa Nabi dan memberitahu hal keadaannya dan Nabi telah mengarahkannya berjumpa dan berbincang dengan para pemberi hutangnya serta berkata, "Jika sekiranya aku hendak menyelesaikan perkara ini, aku akan serahkan kepada Nabi untuk menyelesaikannya." Selepas itu, Nabi menjual harta-harta Mu'ādh dan membahagikan hasil jualannya kepada para pemberi hutang."¹⁴

Selain daripada petisyen oleh pemberi hutang dan pemiutang, dalam keadaan-keadaan tertentu, mahkamah dibenarkan membuat pengistiharan kebangkrapan tanpa apa-apa petisyen. Contohnya, mahkamah dibenarkan membuat pengistiharan kebangkrapan apabila hutang-hutang melibatkan orang-orang yang kurang siuman, kanak-kanak, orang yang permahamannya sedikit ataupun kurang (*ma'tūh*) telah ditahan haknya,¹⁵ orang miskin atau masjid.¹⁶ Kebenaran ini adalah untuk menjaga kepentingan awan.

¹² al-Māwardī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr*, vol. 7, ms. 385; al-Rāfi'i, *Al-'Azīz*, vol. 5, ms. 5; al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā'*, vol. 2, ms. 423.

¹³ al-Ghazzālī, *Al-Waṣī'*, vol. 4, ms. 99; al-Ramlī, *Nihāyat al-Muhtāj*, al-vol. 4, ms. 314; al-Kuhājī, *Zādd al-Muhtāj*, vol. 2, ms. 166; al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj*, vol. 3, ms. 99; Cf. al-Dasūqī, *Ḥāshiyah*, vol. 3, ms. 264; al-Dardīr, *Al-Sharḥ al-Ṣaghīr*, vol. 3, ms. 264.

¹⁴ al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār*, vol. 5, ms. 340.

¹⁵ al-Nawawī, *Rawḍat al-Tālibīn*, vol. 4, ms. 127-128.

¹⁶ al-Baṣīr, *Al-Nihāyah*, vol. 2, ms. 44.

Apabila petisyen yang dibuat oleh pemberi hutang kepada mahkamah, mahkamah hanya akan mendengar petisyen tersebut apabila pemberi hutang atau para pemberi hutang dapat membuktikan bahawa terdapat hutang yang dipinjam kepada mereka. Pembuktian bolehlah dibuat samada melalui pengakuan (*iqrār*) pemiutang ataupun pembuktian-pembuktian yang lain seperti kesaksian oleh para saksi.¹⁷

Setelah pembuktian bahawa pemiutang telah disahkan berhutang kepada pemberi hutang, mahkamah akan melihat kepada keseluruhan jumlah aset samada pemiutang dapat menjelaskan hutangnya atau tidak. Mahkamah akan menolak petisyen tersebut jika pemiutang dapat melangsaikan hutang-hutangnya. Mahkamah pula akan membuat keputusan bahawa pemiutang bankrap jika beliau gagal melangsaikan hutang-hutangnya dan pemiutang disahkan berhutang dengan para pemberi hutang.¹⁸

Keputusan mahkamah membuat pengistiharan bankrap boleh dibuat secara tanpa kehadiran pemiutang (*ex parte*) melainkan pemiutang adalah seorang yang boleh menyelesaikan hutangnya.¹⁹ Kebenaran membuat keputusan tanpa kehadiran pemiutang adalah berdasarkan keputusan yang dibuat oleh Nabi terhadap Abū Sufiyān. Diriwayatkan Hindun (isteri Abū Sufiyān) telah datang menemui Nabi dan membuat komplain dengan menyebut, “Abū Sufiyān adalah seorang yang kedekut. Beliau tidak memperuntukkan nafkah yang secukupnya kepadaku dan anak-anak sehingga aku terpaksa mengambil sebahagian daripada hartanya tanpa pengetahuannya. Adakah ini berdosa?” Nabi menjawab, “Ambillah daripada hartanya sekadar mana yang perlu untuk dirimu dan anak-anak.”²⁰

Ḥadīth ini menunjukkan bahawa penghakiman tanpa kehadiran pemiutang dibenarkan kerana Nabi sendiri telah membuat keputusan tanpa kehadiran Abū Sufiyān. Nabi hanya mendengar satu pihak sahaja. Mengikut al-Baghawī, setelah merujuk kepada pendapat Imām Mālik dan al-Shāfi‘ī, menyatakan Ḥadīth ini adalah kebenaran penghakiman berdasarkan hujah satu pihak sahaja.²¹

¹⁷ al-Māwardī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr*, vol. 7, ms. 385; Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, vol. 4, ms. 484.

¹⁸ al-Māwardī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr*, vol. 7, ms. 385.

¹⁹ Mūsā, *Mukhtaṣar*, ms. 185.

²⁰ al-Baghawī, *Sharḥ al-Sunnah*, vol. 4, ms. 353(no. 2343); Ibn Shaddād, *Dalā'il al-Aḥkām*, vol. 2, ms. 145.

²¹ al-Baghawī, *Sharḥ al-Sunnah*, vol. 4, ms. 353.

Manakala untuk petisyen yang dibuat oleh pemiutang, mahkamah akan memutuskan pemiutang bankrap setelah terdapat bukti-bukti menunjukkan bahawa pemiutang tidak dapat melangsaikan hutangnya. Seterusnya mengikut Imām Mālik dan al-Shāfi‘ī mahkamah hendaklah menyuruh pemiutang bersumpah bahawa beliau tidak dapat menyelesaikan hutangnya.²²

Kesan-kesan Pengistiharan Kebankrapan

Apabila pengistiharan kebankrapan dibuat oleh mahkamah, terdapat kesan-kesan tertentu terhadap segala transaksi yang dilakukan oleh pemiutang, hartanya dan sebagainya.

Transaksi-transaksi Sebelum Pengistiharan Kebankrapan

Bagi transaksi-transaksi tanpa balasan (*tabarru‘āt*) seperti *hibah*, hadiah, sedekah, wasiat, wakaf dan sebagainya yang dilakukan sebelum pengistiharan kebankrapan terdapat perbezaan antara para ‘ulamak Islam. Para ‘ulamak madhhab Ḥanbali²³ dan Imām al-Shāfi‘ī²⁴ berpendapat bahawa transaksi-transaksi tersebut adalah dibenarkan selagi pemiutang mempunyai keahlian yang sempurna (*ahliyyat al-adā‘ al-kāmilah*) untuk bertransaksi dan tidak dihalang daripada melakukannya. Para ‘ulamak madhhab Māliki pula berpendapat pemiutang tidak dibenarkan melakukan transaksi-transaksi tersebut jika sekiranya hutang-hutangnya pada ketika transaksi tersebut dibuat melebihi jumlah asset-asetnya dan transaksi-transaksi tersebut bukanlah amalan-amalan biasa yang dilakukan pemiutang ketika aset-asetnya melebihi hutang-hutangnya kerana ianya merugikan para pemberi hutang.²⁵ Dalam masa yang sama, para ‘ulamak madhhab Māliki tidak membenarkan pemiutang membayar hutangnya kepada sesetengah pemberi hutangnya samada pembayaran hutang tersebut telah sampai waktunya ataupun tidak.²⁶

Pengistiharan kebankrapan juga memberi kesan kepada, transaksi-transaksi yang tidak sempurna dilaksanakan disebabkan kegagalan memenuhi ketetapan undang-undang. Contohnya, hibah menjadi terbatal kerana kegagalan penerima hibah untuk menerimanya

²² al-Asyū‘ī, *Jawāhir al-‘Uqūd*, vol. 1, ms. 165.

²³ Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, vol. 4, ms. 484; al-Zarkasī, *Sharḥ*, vol. 4, ms. 79-80; al-Mardāwī, *Al-Inṣāf*, vol. 5, ms. 282; Ibn Rajab, *Al-Qawā‘id*, ms. 14.

²⁴ See al-Baghdādī, *Irshād al-Sālik*, vol. 4, ms. 342.

²⁵ Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, vol. 2, ms. 214; al-Dardīr, *Al-Sharḥ al-Ṣaghīr*, vol. 3, ms. 345-347; al-Qarāfī, *Al-Dhakīrah*, vol. 8, ms. 160.

²⁶ ‘Ilyash, *Manḥ al-Jalīl*, vol. 6, ms. 12; Lihat juga al-Dardīr, *Al-Sharḥ al-Kabīr*, vol. 3, ms. 262.

apabila penghibah diistiharkan bankrap.²⁷ Prinsip ini adalah berdasar kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh Abū Bakr kepada anak perempuannya ‘Āishah, “Jika sekiranya engkau telah mengambilnya, ianya akan menjadi milikmu.”²⁸ Ini kerana hibah menjadi tidak sempurna kecuali penerimanya mengambilnya. Prinsip ini berdasarkan satu kaedah undang-undang, “Transaksi-tansaksi tanpa balasan hanya akan sempurna setelah penerimaan dibuat.”²⁹

Wakaf juga terbatal apabila penerima wakaf gagal memiliki harta wakaf apabila pewakaf menjadi bankrap.³⁰ Prinsip-prinsip ini juga terpakai kepada pinjaman dan gadaian.

Transaksi-transaksi Selepas Pengistiharan Kebankrapan

Selepas pengistiharan kebangkrapan, keseluruhan para ‘ulamak Islam berpendapat bahawa pemiutang tidak dibenarkan sama sekali mengadakan transaksi-transaksi tanpa balasan kerana ianya merugikan para pemiutang.³¹ Lagipun transaksi-transaksi ini hanyalah sesuatu yang digalakkan sahaja sedangkan menjelaskan hutang adalah satu kewajipan.

Pemiutang juga, mengikut pendapat kebanyakan ‘ulamak-‘ulamak Islam (melainkan Abū Yūsuf dan Muḥammad al-Shaybānī),³² tidak dibenarkan mengadakan transaksi-transaksi berbentuk balasan kerana selepas pengistiharan kebangkrapan segala asset pemiutang adalah tertakluk kepada hak para pemberi hutang. Pemiutang juga tidak dibenarkan melangsaikan hutang-hutangnya kepada para pemberi hutang³³ kerana tugas menyelesaikan hutang adalah di tangan mahkamah. Beliau juga tidak boleh membuat pengakuan hutang berkaitan hartanya. Jika pengakuan dibuat mahkamah tidak akan menerimanya.³⁴

²⁷ al-Qayrawānī, *Risālah*, ms. 411; al-Ja‘alī, *Sirāj al-Sālik*, vol. 2, ms. 189; al-Baghdādī, *Irshād al-Sālik*, ms. 105.

²⁸ Anas, *Al-Muwaḥḥa*, ms. 433(no. 1434).

²⁹ *Majallat al-Aḥkām al-‘Adliyyah*, artikel, 57.

³⁰ al-Ja‘alī, *Sirāj al-Sālik*, vol. 2, ms. 189; al-‘Adawī, *Ḥāshiyah*, vol. 2, ms. 212; al-Shādhālī, *Kifāyat al-Ṭālib*, vol. 2, ms. 212.

³¹ Abū Jayyib, *Mawsū‘at al-Ijmā‘*, vol. 1, ms. 223.

³² al-Nawawī, *Minḥāj al-Ṭālibīn*, ms. 50; al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, vol. 3, ms. 99; al-Kūhajī, *Zādd al-Muhtāj*, vol. 2, ms. 167; Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, vol. 4, 453; al-Zarkashī, *Sharḥ*, vol. 4, ms. 65-66; al-Maqdisī, *Al-Sharḥ al-Kabīr*, vol. 2, ms. 171.

³³ al-Qadūrī, *Matn*, ms. 44.

³⁴ al-Mardāwī, *Al-Inṣāf*, ms. 282; al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā‘*, vol. 3, ms. 423; Lihat juga ‘Ilyās, *Manḥ al-Jalīl*, vol. 6, ms. 418; al-Anṣārī, *Tuḥfat al-Ṭullāb*, ms. 80.

Walaubagaimanapun, pemiutang dibenarkan membelanjakan hartanya untuk membayar nafkah kepada isteri dan keluarganya. Ini hanya boleh dilakukan setelah mendapat persetujuan mahkamah.³⁵ Beliau juga dibenarkan memulangkan barang beliannya kepada penjual kerana kerosakan atau penipuan.³⁶

Selain daripada itu, mengikut pendapat kebanyakan para 'ulamak Islam, pemiutang juga dibenarkan melangsungkan perkahwinan kerana mereka mengandaikan perkahwinan bukanlah melibatkan penggunaan harta.³⁷ Bagi sebahagian 'ulamak madhhab Māliki, perkahwinan adalah dilarang kerana ianya melibatkan penggunaan harta.³⁸

Larangan berkahwin adalah pendapat pilihan. Ini kerana perkahwinan adalah digalakkan hanya kepada mereka yang mempunyai kemampuan untuk berkahwin. Ini berdasarkan Ḥadīth, "Wahai para pemuda! Sesiapa yang mampu berkahwin [boleh menanggung pembayaran nafkah isteri] hendaklah berkahwin kerana dengan berkahwin ia dapat menjaga mata dan kemaluan."³⁹ Secara umumnya, ini menunjukkan sesiapa yang tidak berkemampuan adalah dilarang berkahwin. Oleh itu pemiutang sepatutnya dilarang berkahwin kerana beliau tidak berkemampuan menggunakan hartanya sewenang-wenangnya. Lagipun jika beliau dibenarkan berkahwin, ia akan menyebabkan kesusahan kepada isterinya disebabkan para pemberi hutang mempunyai hak ke atas semua hartanya. Berkahwin adalah digalakkan dan membayar hutang adalah satu kewajipan. Oleh itu membayar hutang hendaklah di dahulukan sebelum pemiutang berkahwin.

Hak Pengambilan Balik Harta

Pengistiharan kebangkrapan juga, mengikut pendapat kebanyakan 'ulamak-'ulamak Islam yang terdiri daripada 'ulamak-'ulamak madhhab Māliki,⁴⁰ Ḥanbali⁴¹ dan Shāfi'i,⁴²

³⁵ al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, vol. 3, ms. 100; Lihat juga Qalyūbī, *Ḥāshiyah*, vol. 2, ms. 287.

³⁶ Qalyūbī, *Ḥāshiyah*, vol. 2, ms. 286.

³⁷ al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, vol. 3, ms. 101; al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, vol. 4, ms. 131; al-Baṣīr, *Al-Nihāyah*, vol. 2, ms. 46; al-Ramlī, *Nihāyat al-Muhtāj*, vol. 4, ms. 316; al-Dardīr, *Al-Sharḥ al-Ṣaghīr*, vol. 3, ms. 353-354; al-Qarafī, *Al-Dhakhīrah*, vol. 8, ms. 171.

³⁸ al-Dasūqī, *Ḥāshiyah*, vol. 3, ms. 265; 'Ilyāsh, *Minḥ al-Jalīl*, vol. 6, ms. 21.

³⁹ Muslim, vol. 2, ms. 1020(no. 1,3); Lihat juga al-Bukhārī, vol. 2, ms. 228-229 dan vol. 6, ms 117; Abū Dāwūd, vol. 3, ms. 213 (no. 2036), al-Baghawī, *Sharḥ al-Sunnah*, vol. 5, ms. 4(no. 2229).

⁴⁰ Anas, *Al-Muwaṭṭā'*, ms. 472; Anas, *Al-Mudawwanah al-Kubrā*, vol. 4, ms. 122; Mūsā, *Mukhtaṣar*, ms. 187; al-Namarī, *Al-Kāfī*, ms. 413; 'Ilyāsh, *Minḥ al-Jalīl*, vol. 6, ms. 60.

⁴¹ al-Maqdisī, *Al-Sharḥ al-Kabīr*, vol. 3, ms. 174; Ibn Abī Taqlīb, *Naly al-Ma'arib*, ms. 395; Ibn Mufliḥ, *Kitāb al-Furū'*, ms. 66; al-Mardāwī, *Al-Inṣāf*, vol. 5, ms. 286

⁴² al-Shāfi'i, *Al-Umm*, vol. 3, ms. 229; al-Ghazzālī, *Al-Wajīz*, ms. 140; al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, vol.

membolehkan pemberi hutang mengambil balik hartanya yang masih berada bersama-sama asset-aset pemiutang selagimana harta tersebut berada di dalam bentuk asalnya. Pendapat ini bersandarkan Ḥadīth, “Jika sekiranya seseorang menjumpai hartanya yang tidak berubah bentuknya berada di tangan si bankrap, beliau mempunyai hak untuk mengambilnya.”⁴³ Oleh itu pemilik harta tersebut bolehlah mengambil hartanya sebelum pembayaran dibuat kepada para pemberi hutang. Pengambilan balik harta juga berdasarkan keputusan yang telah dibuat oleh ‘Uthmān ibn ‘Affān⁴⁴ dan ‘Alī ibn Abū Ṭalib dan tidak terdapat seorang Sahabatpun yang membantah keputusan mereka.⁴⁵

Pengambilan harta hanya boleh dibuat apabila beberapa syarat-syarat telah dipenuhi. Pertamanya, harta yang hendak diambil balik hendaklah berada di dalam bentuk asalnya. Syarat ini adalah berdasarkan Ḥadīth, “Jika sekiranya seseorang menjumpai hartanya yang tidak berubah bentuknya berada di tangan si bankrap, beliau mempunyai hak untuk mengambilnya.”⁴⁶ Keduanya harta tersebut hendaklah di dalam pemilikan pemiutang. Oleh itu jika harta tersebut berada di tangan pihak ketiga disebabkan perpindahan hak milik, pengambilan balik tidak boleh dilaksanakan.⁴⁷ Ketiganya pemiutang hendaklah berhutang dengan pemberi hutang terbabit.⁴⁸ Keempat pemiutang hendaklah masih hidup mengikut pendapat para ‘ulamak madhhab Māliki⁴⁹ dan Ḥanbali.⁵⁰ Ini berdasarkan Ḥadīth, “Jika sekiranya pemiutang (bankrap) mati, pemilik harta adalah berada di tempat yang sama dengan para pemberi hutang yang lain.”⁵¹ Manakala, para ‘ulamak madhhab Shāfi‘i berpendapat syarat ini tidak perlu kerana pemberi hutang diberi hak untuk mengambil hartanya samada pemiutang hidup ataupun mati. Ini berlandaskan Ḥadīth yang

4, ms. 147.

⁴³ al-Bukhārī, vol. 3, ms. 85; Muslim, vol. 3, ms. 1193(no. 22); al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār*, vol. 5, ms. 338; Lihat juga Abū Dāwud, vol. 3, ms. 286(no. 3519); Anas, *al-Muwaṭṭā’*, ms. 472(no. 1371); al-Bayhaqī, *Al-Sunan al-Kubrā*, vol. 6, ms. 45.

⁴⁴ al-Bukhārī, vol. 3, pms. 85-86; al-Bayhaqī, *Al-Sunan al-Kubrā*, vol. 6, ms. 46; Lihat juga al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār*, vol. 5, ms. 339.

⁴⁵ ‘Ābādī, *‘Awn al-Ma‘būd*, vol. 9, ms. 342; Lihat juga Ibn Shaddād, *Dalā’il al-Aḥkām*, vol. 2, ms. 144; al-Mubārakfūrī, *Tuḥfat al-Aḥwadhī*, vol. 4, ms. 397.

⁴⁶ al-Bukhārī, vol. 3, ms. 85; Muslim, vol. 3, ms. 1193(no. 22); al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār*, vol. 5, ms. 338; Lihat juga Abū Dāwud, vol. 3, ms. 286(no. 3519); Anas, *al-Muwaṭṭā’*, ms. 472(no. 1371); al-Bayhaqī, *Al-Sunan al-Kubrā*, vol. 6, ms. 45.

⁴⁷ al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, vol. 4, ms. 155; al-Ramlī, *Nihāyat al-Muḥtāj*, vol. 4, ms. 341; Lihat juga al-Kahūjī, *Zādd al-Muḥtāj*, vol. 2, ms. 177.

⁴⁸ al-Ghazzālī, *Al-Wajīz*, ms. 140; al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn*, ms. 51.

⁴⁹ Anas, *Al-Mudawwanah al-Kubrā*, vol. 4, ms. 122; Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid*, vol. 2, ms. 217; Mūsā, *Mukhtaṣar*, ms. 187.

⁵⁰ Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, vol. 4, ms. 502; al-Maqdisī, *Al-Sharḥ al-Kabīr*, vol. 4, ms. 508-509; al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā’*, vol. 3, ms. 426.

diriwayatkan oleh Abū Hurayrah, “Ini adalah apa yang telah diputuskan oleh Nabi iaitu jika sekiranya seseorang lelaki mati atau menjadi bankrap, pemilik harta mendahului orang yang lain jika dia menjumpai hartanya.”⁵²

Pengambilan Harta Pemiutang

Pengistiharan kebangkrapan dalam masa yang sama membenarkan harta pemiutang diambilalih oleh mahkamah. Harta pemiutang termasuklah segala harta alih, harta tak alih (tanah dan rumah), ganti rugi kecederaan yang belum dilangsaikan⁵³ dan jumlah sewaan. Termasuk juga di dalam harta pemiutang mengikut pendapat di kalangan ‘ulamak madhhāb Shāfi‘i adalah hutang kepada pemiutang yang belum dilangsaikan.⁵⁴

Harta yang diperolehi oleh pemiutang selepas pengistiharan kebangkrapan juga mengikut pendapat para ‘ulamak madhhāb Ḥanbali dan sebahagian ‘ulamak madhhāb Shāfi‘i⁵⁵ adalah harta pemiutang yang boleh digunakan untuk pembayaran hutangnya. Oleh itu, sebarang harta yang diperolehinya melalui pemburuan, penerimaan wasiat dan hibah tidak boleh digunakan oleh pemiutang.

Walaupun mahkamah dibenarkan untuk mengambil harta pemiutang pengambilannya bukannya semua. Pemiutang hendaklah ditinggalkan makanan yang mencukupi untuk dirinya dan keluarga⁵⁶ beserta beberapa helai pakaian untuk dirinya dan keluarga untuk menutup aurat dan digunakan untuk bersembahyang.⁵⁷ Mengikut pendapat ‘ulamak madhhāb Ḥanbali⁵⁸ dan satu pendapat ‘ulamak-‘ulamak madhhāb Māliki⁵⁹ alat dan perkakas yang digunakan oleh pemiutang untuk mencari rezeki juga hendaklah ditinggalkan kepadanya kerana mereka berpendapat alat dan perkakas tersebut adalah sesuatu keperluan yang wajib seperti juga keperluan kepada makanan dan pakaian.

⁵¹ Abū Dāwūd, vol. 3, ms. 286-287(no. 3520); Anas, *Al-Muwatta’*, ms. 472(no. 1370).

⁵² al-Baghāwī, *Sharḥ al-Sunan*, vol. 4, ms. 341(no. 2127).

⁵³ al-Shāfi‘ī, *Al-Umm*, vol. 3, ms. 232.

⁵⁴ al-Ramlī, *Nihāyat al-Muḥtāj*, vol. 4, ms. 312.

⁵⁵ al-Rāfi‘ī, *Al-‘Azīz*, vol. 5, ms. 12; al-Ghazzālī, *Al-Wajīz*, ms. 138.

⁵⁶ Mūsā, *Mukhtaṣar*, ms. 186.

⁵⁷ al-Mawāq, *Al-Tāj*, vol. 5, ms. 47.

⁵⁸ al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā’*, vol. 3, ms. 434.

⁵⁹ Mūsā, *Mukhtaṣar*, ms. 186; Mawāq, *Al-Tāj*, vol. 5, ms. 42.

Walaubagaimanapun mahkamah akan mengambilnya jika a) pemiutang tidak lagi memerlukannya atau, b) harga barang-barang tersebut adalah tinggi.⁶⁰

Buku-buku juga perlu ditinggalkan mengikut pendapat para 'ulamak madhhab Shāfi'i jika pemiutang adalah seorang guru dan dalam masa yang sama buku-buku yang diwakafkan untuk kegunaan semua pihak tidak mencukupi.⁶¹

Kenderaan pemiutang juga hendaklah ditinggalkan jika ia adalah sesuatu yang perlu. Ini adalah pendapat para 'ulamak madhhab Ḥanbali.⁶² Manakala para 'ulamak madhhab Shāfi'i berpendapat bahawa mahkamah hendak mengambil kenderaan milik pemiutang untuk jualan memandangkan kenderaan boleh disewa dengan mudah.⁶³ Pendapat pilihan adalah pendapat para 'ulamak madhhab Shāfi'i memandangkan pada masa ini terdapat berbagai jenis kenderaan awan yang boleh digunakan oleh pemiutang yang mana tambangnya agak murah dan khidmatnya adalah baik serta sempurna. Lagipun jika kenderaan tidak diambil, ia akan menambahkan beban pemiutang kerana kenderaan biasanya memerlukan servis dan penyelenggaraan yang sewajarnya dan dalam masa yang sama memberi kesan kepada penyelesaian hutang kepada para pemberi hutang.

Bagi rumah yang digunakan oleh pemiutang dan tanggungannya, 'ulamak-'ulamak Islam berbeza pendapat. Para 'ulamak madhhab Māliki,⁶⁴ Ḥanbali,⁶⁵ Ḥanafī⁶⁶ dan segolongan 'ulamak Shāfi'i⁶⁷ berpendapat bahawa rumah tersebut adalah sebahagian daripada harta yang wajib ditinggalkan kepada pemiutang jika rumah tersebut adalah satu-satunya rumahnya. Ini berdasarkan rumah adalah sesuatu keperluan asasi sama seperti makanan dan pakaian, yang mesti ditinggalkan kepada pemiutang. Walaupun begitu, pendapat ini membenarkan rumah diambil oleh mahkamah jika ianya berupa sesuatu yang tidak penting untuk pemiutang dan keluarganya, dan rumah tersebut adalah terlalu besar untuk

⁶⁰ 'Ilyash, *Manḥ al-Jalīl*, vol. 6, ms. 33; al-Ja'alī, *Sirāj al-Sālik*, vol. 2, ms. 149.

⁶¹ al-Ramlī, *Nihāyat al-Muḥtāj*, vol. 4, ms. 329; Pebentang merasakan buku-buku hendaklah diambil untuk jualan kerana hari ini perpustakaan adalah banyak dan dalam masa yang sama membenarkan pinjaman buku dibuat. Oleh itu jika buku-buku diambil, pemiutang boleh menggunakan perpustakaan dan khidmatnya.

⁶² See Ibn Rajab, *Al-Qawā'id*, ms. 295.

⁶³ al-Ramlī, *Nihāyat al-Muḥtāj*, al-vol. 4, ms. 328; al-Kuhājī, *Zādd al-Muḥtāj*, vol. 2, ms. 172.

⁶⁴ al-Dardīr, *Al-Sharḥ al-Ṣaghīr*, vol. 3, ms. 358

⁶⁵ Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, vol. 4, ms. 490 & 492-493; al-Maqdisī, *Al-Sharḥ al-Kabīr*, vol. 4, ms. 536-537;

al-Bahūti, *Kashshāf al-Qinā'*, vol. 3, ms. 534-535.

⁶⁶ al-Ṭūrī, *Takmilat*, vol. 8, ms. 95.

⁶⁷ al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, vol. 2, ms. 169; al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, vol. 4, ms. 145; Lihat juga

mereka. Mahkamah hendaklah menjual rumah tersebut dan mengantiknya dengan rumah yang sesuai bagi pemiutang dan tanggungannya. Bagi Imām Mālik⁶⁸ dan sebilangan besar ‘ulamak madhhab Shāfi‘i,⁶⁹ rumah tersebut adalah sebahagian daripada harta yang perlu diambil oleh mahkamah walaupun ianya adalah harta keperluan asasi. Pendapat mereka adalah berdasarkan Ḥadīth di mana seorang lelaki telah membeli buah-buahan dan beliau kerugian disebabkan buah-buahan tersebut rosak. Ini menyebabkan hutangnya bertambah. Nabi telah meminta orang ramai memberi pertolongan kepada lelaki tersebut tetapi pemberian oleh orang ramai tidak dapat menjelaskan segala hutangnya. Nabi seterusnya bersabda, “Ambillah apa-apa yang kamu jumpa [daripada hartanya] dan tidak ada yang lain selain daripada itu.”⁷⁰ Hujah yang menyatakan rumah adalah sebahagian daripada keperluan asasi juga ditolak dan mereka menyatakan rumah dan pakaian adalah dua jenis harta yang berbeza. Pakaian adalah keperluan asasi dan rumah adalah tidak. Mengikut amalan biasa rumah boleh disewa dan tidak pakaian.⁷¹

Pendapat pertama adalah lebih diterima memandangkan rumah adalah satu keperluan asasi untuk pemiutang dan tanggungan untuk mendapat perlindungan. Jika rumah diambil oleh mahkamah, ia akan memudaratkan pemiutang dan tanggungannya di mana Islam mengharamkan ~~Ini berdasarkan Ḥadīth~~, ^{sebarang kemudaratan} “Melakukan kemudaratan dan bertindakbalas di atas kemudaratan yang terbit daripada orang lain adalah tidak dibenarkan.”⁷²

Pengambilan harta pemiutang juga adalah tertakluk kepada persoalan samada harta tersebut bersangkutan dengan hak pihak ketiga ataupun tidak. Jika ianya merupakan harta gadaian, harta lien, harta amanah dan harta yang tertakluk kepada pengambilan, mahkamah tidak berhak untuk mengambilnya untuk kegunaan penyelesaian hutang.⁷³

Qalyūbī, *Ḥāshiyah*, vol. 2, ms. 291.

⁶⁸ al-Mawāq, *Al-Tāj*, vol. 5, ms. 42.

⁶⁹ al-Shāfi‘ī, *Al-Umm*, vol. 3, ms. 232; al-Māwardī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr*, vol. 7, ms. 462-463; al-Ghazzālī, *Al-Wajīz*, ms. 139.

⁷⁰ Muslim, vol. 3, ms. 119(no. 18), al-Baghawī, *Sharḥ al-Sunnah*, vol. 4, ms. 341-342(no. 2128); al-Bayhaqī, *Al-Sunan al-Kubrā*, vol. 6, ms. 49-50.

⁷¹ al-Mawāq, *al-Tāj*, vol. 7, ms. 462; Lihat juga ‘Umayrah, *Ḥāshiyah*, vol. 2, ms. 290.

⁷² Darūqutnī, vol. 2, ms. 56(no. 3060); Lihat juga *Majallat al-Aḥkām al-‘Adliyyah*, artikel 19.

⁷³ Lihat Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, vol. 4, ms. 448; al-Maqdisī, *Al-Sharḥ al-Kabīr*, vol. 4, ms. 541; Anas, *Al-Mudawwanah al-Kubrā*, vol. 4, ms. 69.

Penjualan Harta Pemiutang

Setelah proses pengambilan harta pemiutang selesai, mahkamah perlulah bertindak menjual harta tersebut. Penjualan digalakkan dilakukan di pasar terbuka bertujuan untuk mendapat harga yang berpatutan.⁷⁴ Semasa penjualan dilangsungkan seelok-eloknya pemiutang berada di tempat jualan. Tujuannya untuk mendapat harga yang baik. Pemiutang dalam masa yang sama boleh menjelaskan kepada para pembeli kualiti harta jualan dan ini dapat memberi kepuasan kepada pembeli. Para pemberi hutang juga digalakkan berada di tempat jualan disebabkan penjualan harta pemiutang adalah untuk faedah mereka. Pemberi hutang juga dibenarkan membeli harta jualan tersebut.⁷⁵

Penjualan hendaklah dimulakan dengan harta yang mudah rosak, diikuti dengan harta gadaian, harta alih (dimulakan dengan binatang ternakan) dan harta tak alih. Untuk harta alih, penjualan bangunan-bangunan dilakukan dahulu kemudian diikuti oleh penjualan tanah.⁷⁶ Penjualan tanah di dalam keadaan-keadaan tertentu bolehlah ditangguhkan sehingga harganya seimbang dengan harga pasaran.⁷⁷

Pembahagian Harta Pemiutang

Setelah proses penjualan selesai, mahkamah perlulah membahagikan hasil jualan kepada para pemberi hutang. Pembahagian hendaklah dilaksanakan setelah mahkamah mengeneipkan sebahagian daripada hasil jualan untuk pembayaran nafkah bagi kegunaan pemiutang dan tanggungannya.⁷⁸

Pembahagian harta pemiutang hendaklah dilakukan secepat mungkin. Ini adalah untuk menjaga kepentingan para pemberi hutang. Sebarang penangguhan adalah tidak dibenarkan melainkan disebabkan jumlah harta pemiutang yang diambil adalah terlalu sedikit yang menyebabkan pembahagian tidak dapat dilaksanakan.⁷⁹

⁷⁴ al-Mawāq, *Al-Tāj*, vol. 5, ms. 444.

⁷⁵ Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, vol. 4, ms. 490-491; al-Maqdisī, *Al-Sharḥ al-Kabīr*, vol. 4, ms. 535; al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā'*, vol. 3, ms. 432-433; al-Ramlī, *Nihāyat al-Muḥtāj*, vol. 4, ms. 321; al-Rāfi'ī, *Al-'Azīz*, vol. 5, ms. 18.

⁷⁶ al-Sharbinī, *Mughnī al-Muḥtāj*, vol. 3, ms. 104; al-Kūhajī, *Zādd al-Muḥtāj*, vol. 2, ms. 169; Lihat juga al-Māwardī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr*, vol. 7, ms. 445; al-Rāfi'ī, *Al-'Azīz*, vol. 5, ms. 18-19; ; al-Maqdisī, *Al-Sharḥ al-Kabīr*, vol. 4, ms. 499; al-Marghīnānī, *Al-Hidāyah*, ms. 286.

⁷⁷ al-Shāfi'ī, *Al-Umm*, vol. 3, ms. 239.

⁷⁸ Lihat al-Ramlī, *Nihāyat al-Muḥtāj*, vol. 4, ms. 327; Mūsā, *Mukhtaṣar*, ms. 186; al-Dardīr, *Al-Sharḥ al-Ṣaghīr*, vol. 3, ms. 277.

⁷⁹ al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn*, ms. 51.

Harta pemiutang hanya akan dibahagikan kepada para pemiutang yang dapat membuktikan haknya. Pembuktian bolehlah dilakukan samada dengan bukti-bukti atau pengakuan oleh pemiutang yang dilakukan sebelum proses kebangkrapan bermula. Pengakuan oleh pemiutang hanyalah diterima jika para pemberi hutang bukannya tergolong daripada rakan karib, saudara terdekat dan ahli keluarga pemiutang.⁸⁰

Pembahagian dimulakan dengan membahagikan kepada pemberi hutang yang mempunyai gadaian. Ini dipersetujui oleh semua 'ulamak-'ulamak madhhab yang empat.⁸¹ Kemudiannya, harta tersebut dibahagikan kepada pemegang lien sepertimana dinyatakan oleh para 'ulamak madhhab Shāfi'i disebabkan servis yang diberikan tidak dibayar.⁸² Setelah selesai pembahagian kepada pemegang gadaian dan lien, pembahagian dibuat kepada para pekerja yang terlibat di dalam proses pengambilan dan penjualan harta pemiutang. Mereka termasuklah pelelong (*dallāl*), pemilik setor di mana harta pemiutang disimpan dan penimbang. Pembayaran kepada para pekerja ini adalah dibuat jika sekiranya tiada peruntukan daripada *bayt al-māl* untuk membayar khidmat mereka dan juga tidak terdapat sukarelawan untuk melaksanakan tugas tersebut.⁸³

Setelah itu, pembahagian akan dibuat kepada para pemberi hutang yang lainnya. Pembahagian ini adalah berdasarkan nisbah langsung kepada hutang mereka.⁸⁴ Contohnya jika harta pemiutang adalah RM 2000.00 dan pemberi hutangnya adalah dua orang di mana kedua-duanya mempunyai hutang yang sama banyak, maka seorang pemberi hutang akan memperolehi separuh daripadanya. Begitu juga jika pemberi hutang adalah seramai tiga orang yang mempunyai hutang yang sama banyak, maka setiap orang daripada mereka akan memperoleh satu pertiga daripada harta pemiutang.

⁸⁰ Ibn Rushd, *Al-Muqaddimāt*, vol. 2, ms. 319.

⁸¹ Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, vol. 4, ms. 448; Lihat juga al-Maqdisī, *Al-Sharḥ al-Kabīr*, vol. 4, ms. 540-541.

⁸² Qalyūbī, *Ḥāshiyah*, vol. 2, ms. 289.

⁸³ al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, vol. 4, ms. 133; ; al-Rāfi'ī, *Sharḥ al-Wajīz*, vol. 4, ms. 13-14; Lihat juga al-Qarāfī, *Al-Dhakhīrah*, vol. 8, ms. 171; al-Ghazzālī, *Al-Wajīz*, ms. 138; al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā'*, vol. 3, ms. 435.

⁸⁴ al-Qadūrī, *Matn*, ms. 43; al-Marghīnānī, *Al-Hidāyah*, vol. 3, ms. 285; al-Sarakhsī, *Al-Mabsūṭ*, vol. 24, ms. 164; al-Ghazzālī, *Al-Wajīz*, ms. 139; Lihat juga al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā'*, vol. 3, ms. 432.

Pelepasan Dari Pengistiharan Kebankrapan

Setelah selesai pembahagian harta pemiutang, pemiutang sepatutnya diistiharkan bebas daripada kebangkrapan. Terdapat beberapa cara pelepasan boleh dibuat. Mengikut pendapat Abū Yūsuf⁸⁵ dan satu pendapat ‘ulamak-‘ulamak madhhab Shāfi‘i,⁸⁶ Māliki⁸⁷ dan Ḥanbali,⁸⁸ pelepasan hanyalah boleh dibuat oleh mahkamah kerana mahkamah yang membuat pengistiharan kebangkrapan. Pelepasan hanya berlaku setelah mahkamah melakukan penyiasatan dan penyelidikan yang mendalam tentang keadaan pemiutang. Manakala satu pendapat yang lain daripada ‘ulamak-‘ulamak madhhab Shāfi‘i,⁸⁹ Ḥanbali⁹⁰ dan Māliki⁹¹ menyatakan pelepasan berlaku sebaik sahaja pembahagian harta pemiutang dilakukan kepada para pemberi hutang. Pelepasan cara ini hanya berlaku mengikut para ‘ulamak madhhab Māliki apabila satu daripada syarat berikut dipenuhi; a) apabila pemiutang bersumpah menyatakan beliau tidak menyembunyi sebarang informasi berkaitan hartanya, atau b) apabila para pemberi hutang menyatakan persetujuan mereka bahawa pemiutang tidak menyembunyikan sebarang hartanya daripada mereka.

Pelepasan juga boleh berlaku mengikut satu pendapat segolongan ‘ulamak madhhab Māliki setelah segala harta pemiutang diambil oleh mahkamah. Pelepasan cara ini hanya berlaku setelah pemiutang bersumpah bahawa beliau tidak menyembuyikan hartanya daripada pengetahuan mahkamah dan para pemberi hutang menerima sumpah tersebut.⁹² Pelepasan juga berlaku mengikut satu pendapat yang lain daripada segolongan ‘ulamak madhhab Māliki, apabila pemiutang tidak lagi memiliki sebarang harta.⁹³

Mengikut satu pendapat para ‘ulamak madhhab Ḥanbali, pelepasan juga berlaku apabila hutang pemiutang telah diselesaikan kesemuanya. Ini kerana objektif pengistiharan

⁸⁵ al-Ṭūrī, *Takmilat*, vol. 8, ms. 91.

⁸⁶ al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, vol. 4, ms. 147; al-Anṣārī, *Tuḥfat al-Ṭullāb*, ms. 84; See also al-Ramlī, *Nihāyat al-Muḥtāj*, vol. 4, ms. 330; al-Rāfi‘ī, *Sharḥ al-Wajīz*, vol. 4, ms. 24.

⁸⁷ Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, vol. 4, ms. 497; al-Maqdisī, *Al-Sharḥ al-Kabīr*, vol. 2, ms. 187; al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā’*, vol. 3, ms. 441.

⁸⁸ al-Dardīr, *Al-Sharḥ al-Ṣaghīr*, vol. 3, ms. 361; al-Zarqānī, *Sharḥ*, vol. 5, ms. 269; al-Qarāfī, *Al-Dhakhīrah*, vol. 8, ms. 214.

⁸⁹ al-Asyūṭī, *Jawāhir al-Uqūd*, vol. 1, ms. 163; al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn*, vol. 14, ms. 110; al-Sayūṭī, *Al-Asbāḥ*, ms. 259; Rāfi‘ī, vol. 4, ms. 24.

⁹⁰ Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, vol. 4, ms. 497; al-Maqdisī, *Al-Sharḥ al-Kabīr*, vol. 2, ms. 187; al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā’*, vol. 3, ms. 441.

⁹¹ al-Dardīr, *Al-Sharḥ al-Ṣaghīr*, vol. 3, ms. 361; al-Zarqānī, *Sharḥ*, vol. 5, ms. 269; ‘Abd Allah, *Al-Kawākib*, vol. 3, ms. 133-134.

⁹² Ilyash, *Manḥ al-Jalīl*, vol. 6, ms. 30.

⁹³ al-Mawāq, *Al-Tāj*, vol. 5, ms. 42; See also al-Qarāfī, *Al-Dhakhīrah*, vol. 8, ms. 214.

kebankrapan [iaitu untuk menyelesaikan hutang] telah tercapai.⁹⁴ Manakala mengikut satu pendapat 'ulamak madhhab Shāfi'i, pelepasan juga boleh berlaku berdasarkan inisiatif para pemberi hutang di mana mereka bersetuju di antara mereka untuk melepaskan pemiutang daripada pengistiharan kebangkrapan. Pelepasan cara ini dibenarkan memandangkan objektif utama pengistiharan kebangkrapan adalah untuk menjaga kepentingan mereka. Jika mereka mengendaki pelepasan dari kebangkrapan, maka niat mereka hendaklah diterima.⁹⁵

Pelepasan kebangkrapan melalui mahkamah adalah pelepasan yang terbaik kalau dibandingkan dengan pelepasan-pelepasan yang lainnya. Ini kerana keputusan yang dibuat oleh mahkamah boleh memberi kepuasan kepada para pemberi hutang, pemiutang dan masyarakat memandangkan keputusan mahkamah dibuat setelah mahkamah menjalankan siasatan secara menyeluruh kepada pemiutang untuk menentukan bahawa tidak terdapat penyembunyian harta oleh pemiutang. Keputusan mahkamah juga menjadikan masyarakat yakin untuk bertransaksi dengan pemiutang tanpa rasa takut bahawa transaksi mereka akan menjadi tidak sah dan batal kerana pemiutang telah bebas daripada pengistiharan kebangkrapan. Bukan itu saja, pemiutang juga akan menjadi lebih yakin untuk meneruskan kehidupannya seperti sebelum pengistiharan kerana beliau telah bebas daripada kebangkrapan. ~~berdasarkan keputusan mahkamah.~~

Manakala pelepasan dengan cara pengambilan harta pemiutang oleh mahkamah adalah pelepasan yang tidak realistik melainkan beberapa syarat dipenuhi. Syarat-syarat tersebut termasuklah, a) bahawa pemiutang telah bersumpah bahawa beliau telah memberikan kesemua hartanya kepada mahkamah, dan b) mahkamah telah mengakui bahawa tidak terdapat penyembunyian harta oleh pemiutang. Jika pelepasan cara ini tidak disertakan dengan syarat-syarat tertentu, ditakuti bahawa objektif pengistiharan kebangkrapan tidak tercapai, hak para pemberi hutang berada di dalam risiko dan keadilan tidak dapat dilaksanakan dengan adil. Ini juga ditakuti proses kebangkrapan akan disalahgunakan oleh pemiutang yang tidak bertanggungjawab memandangkan proses pelepasan daripada pengistiharan kebangkrapan adalah terlalu mudah.

⁹⁴ al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā'*, vol. 3, ms. 441.

⁹⁵ al-Rāfi'ī, *Al-'Azīz*, vol. 5, ms. 24-25; Lihat juga al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, vol. 4, ms. 147.

Pelepasan berdasarkan pembayaran segala hutang oleh pemiutang dan persetujuan bersama oleh para pemberi hutang nampaknya adalah cara pelepasan kebangkrupan yang baik jika sekiranya bukti menunjukkan bahawa, a) tidak terdapat pemberi hutang yang lain, b) hutang telah dijelaskan kepada semua pemberi hutang dan, c) persetujuan adalah persetujuan secara sebulat suara.

Pelepasan pengistiharan kebangkrupan menjadikan pemiutang bebas untuk melakukan transaksi-transaksi yang tidak dibenarkan kepada ketika beliau diistiharkan bankrap dan menggunakan harta-hartanya terutamanya harta-harta yang diperolehi selepas pelepasan dibuat.⁹⁶ Pemiutang walaubagaimanapun tidak dibenarkan sama sekali menggunakan harta yang telah disembunyikannya ketika proses kebangkrupannya dijalankan dan proses kebangkrupan masih dikira belum selesai. Oleh itu mahkamah hendaklah membahagikan harta tersebut kepada para pemberi hutang mengikut hak masing-masing.⁹⁷

Pelepasan walaubagaimanapun tidak membebaskan pemiutang daripada menyelesaikan baki pembayaran hutang kepada para pemberi hutang. Adalah menjadi satu kewajipan kepadanya untuk menyelesaikannya. Kewajipan menjelaskan hutang yang tidak dapat diselesaikan melalui pengistiharan kebangkrupan tidak bermakna pemiutang dipaksa bekerja untuk membayar hutang tersebut. Ini bersandarkan pendapat para 'ulamak madhhab Shāfi'i, Ḥanafī, satu pendapat 'ulamak madhhab Ḥanbalī dan kebanyakan 'ulamak madhhāb Mālikī. Oleh itu para pemberi hutang hendaklah menunggu pembayaran baki hutang mereka sehinggalah pemiutang dapat melangsaikannya. Ini berlandaskan ayat, "Jika sekiranya pemiutang berada di dalam kesempitan [dalam menjelaskan hutangnya], tunggulah sehingga beliau berkeupayaan [untuk menjelaskan hutang]."⁹⁸ Ayat ini menunjukkan bahawa Allah menyuruh para pemberi hutang menunggu pembayaran baki hutang yang belum diselesaikan dan tidak memaksa pemiutang bekerja untuk melangsaikannya. Pendapat ini juga berlandaskan Ḥadīth, "Ambil apa-apa harta yang kamu jumpa dan tidak ada bagi kamu selain daripda itu."⁹⁹ Ḥadīth ini tidak menyuruh pemiutang bekerja untuk menlangsaikan baki hutang-hutangnya. Ini juga berlandaskan

⁹⁶ al-Māwardī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr*, vol. 7, ms. 474; Qalyūbī, *Ḥāshiyah*, vol. 2, ms. 289.

⁹⁷ al-Māwardī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr*, vol. 7, ms. 474.

⁹⁸ *Surat al-Baqarah*, 2:280.

⁹⁹ Muslim, vol. 3, ms. 1191; al-Baghawī, *Sharḥ al-Sunnah*, vol. 4, ms. 341-342 (no. 2128); al-Bayhaqī, *Al-Sunan al-Kubrā*, vol. 6, ms. 49-50.

penghakiman oleh 'Umar ibn al-Khaṭṭāb di dalam kes al-'Usayfi' dari puak Juhaynah¹⁰⁰ dan penghakiman oleh 'Umar ibn 'Abd al-'Azīz yang berkaitan dengan kebangkrapan pemiutang¹⁰¹ di mana kedua-dua mereka tidak menyuruh pemiutang bekerja untuk menyelesaikan baki hutang-hutangnya.

Pemiutang juga dibenarkan diistiharkan bankrap untuk kali keduanya atau seterusnya. Untuk pengistiharan seterusnya, segala syarat-syarat untuk pengistiharan kebangkrapan yang pertama hendaklah dipenuhi. Pemohonan pengistiharan kebangkrapan mengikut satu pendapat 'ulamak-'ulamak madhhab Māliki hanya akan diterima enam bulan setelah pengistiharan kebangkrapan sebelumnya dibuat.¹⁰²

Kesimpulan

Secara umumnya perbincangan menunjukkan bahawa Islam telah menggariskan satu prinsip undang-undang yang lengkap yang berkaitan dengan kebangkrapan. Perbincangan juga menunjukkan bahawa Islam membenarkan pengistiharan kebangkrapan yang bertujuan untuk menjaga hak para pemberi hutang dan dalam masa yang sama menjaga hak pemiutang dan tanggungannya.

¹⁰⁰ Anas, *Al-Muwaṭṭā'*, ms. 547.

¹⁰¹ Anas, *Al-Mudawwanah al-Kubrā*, vol. 4, ms. 120.

¹⁰² 'Ilyash, *Minḥ al-Jalīl*, vol. 6, ms. 30; al-Khurashī, vol. 5, ms. 269; See also al-Mawāq, *Al-Tāj*, vol. 5, ms. 42; al-Zarqānī, *Sharḥ*, vol. 5, ms. 269